

## ABSTRAK

Kajian ini menganalisis empat buah novel Indie di Malaysia, iaitu *Aku Rindu 90's* (2012), *Surat-Surat Untuk Kaherah* (2013), *Kunang Pesisir Morten* (2015) dan *Budak Kelas Belakang* (2018) bagi melihat pemikiran realisme yang dikemukakan dalam novel-novel tulisan penulis-penulis Indie di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan kerangka teori realisme Lukacs (1963). Analisis secara struktural digunakan untuk mengenal pasti pandangan, wawasan, harapan dan nilai-nilai yang signifikan serta kesannya dalam penambahbaikan kualiti hidup masyarakat. Tiga objektif ditentukan, iaitu untuk mengesan dan mengenal pasti kewujudan pemikiran realisme di dalam karya Indie, mengemukakan bukti bahawa karya-karya Indie adalah setanding dengan karya serius yang lain serta untuk menentukan definisi baharu yang lebih tepat dan adil kepada karya-karya Indie yang sedang berkembang sebagai cabang sastera baharu di Malaysia. Kesemua novel yang dianalisis didapati sarat dengan pemikiran realisme yang meliputi aspek-aspek pembangunan masyarakat seperti sosial, pendidikan, ekonomi, politik dan agama. Dapatan kajian ini menunjukkan karya-karya Indie juga membawakan pemikiran serius yang memberi impak kepada masyarakat khususnya kepada pembangunan sosial, pendidikan, ekonomi, politik dan agama sesebuah masyarakat. Karya Indie juga didapati setanding dengan karya-karya serius terbitan arus perdana. Dapatan kajian ini turut menunjukkan penilaian dan definisi yang lebih positif dan adil harus diberikan kepada karya-karya Indie. Kesemua dapatan kajian membuktikan karya Indie adalah setanding dengan karya-karya sastera pelbagai genre di Malaysia.

**Kata kunci:** Karya Indie, wacana kemasyarakatan, teori realisme Lukacs, pembangunan masyarakat

## ***Realism Thought in Malaysian Selected Indie Masterpieces***

### **ABSTRACT**

*This research aimed to identify the realism theory presented in four Malaysian Indie novels entitled *Aku Rindu 90's* (2012), *Surat-Surat Untuk Kaherah* (2013), *Kunang Pesisir Morten* (2013) and *Budak Kelas Belakang* (2018). This is a qualitative research employing the realism framework theory by Lukacs (1963). Structural analysis was used to identify the views, visions, hopes and significant values as well as their impact in improving the quality of life of society. The objectives of this research were to identify the existence of realism theory in the Indie novels, to provide evidence that Indie masterpieces are equivalent to other mainstream pieces and to determine a new definition which is more accurate and fair to Indie novels which is evolving as a new literary stream in Malaysia. Research findings indicated that there was a complete evidence of realism theory covering social, educational, economic, political and religious aspects in all the four novels analysed. The findings showed that Indie novels also conveyed serious thinking that impacts society, particularly on social, educational, economic, political and religious development of a society. Indie novels were also found to be on par with other mainstream novels. The findings also showed that positive and fair valuation and definition should be given towards Indie novels. All findings have shown that Indie novels are equivalent to other literary genres in Malaysia.*

**Keywords:** *Indie novels, social discourse, Lukacs's theory of realism, social development*